

Banjir kilat masuk kebun lagi

Petani berputih mata, dakwa parit tidak diselenggara punca air melimpah

TANJONG KARANG – Lebih 20 petani di Parit 2, di sini menanggung kerugian apabila kebun sayur yang diusahakan dinaiki air gara-gara air parit melimpah selepas hujan lebat.

Lebih menyusahkan, anak benih sayuran dan herba yang baru rosak ditenggelamkan air sekali gus menyebabkan kemarahan petani kerana kejadian sama berulang.

Pengusaha tanaman jagung, Mohd Khairul Anwar Salimin, 25, berkata, kebun jagung yang dinaiki air menimbulkan masalah kerana menjejaskan tumbesaran tanaman seluas 1.2 hektar itu.

Menurutnya, kerugian hampir RM4,000 terpaksa ditanggung selepas musnah akibat banjir gara-gara tiada kerja penyelenggaraan parit dibuat di sepanjang kampung itu.

"Kalau hujan lama macam mana pun tapi kalau parit diselenggara, air tak akan naik sampai ke kebun. Tapi boleh tengok sendiri parit sebu sampai air hujan melimpah.

"Patutnya hasil jagung dah boleh tuai bulan depan tapi sekarang ini terpaksa putih mata...penat lelah selama ini sia-sia saja," katanya yang cukup kecewa dengan keadaan itu.

Seorang lagi petani, Mohd Yunus Asari, 51, berkata, sebelum ini musibah banjir sudah melanda kampung itu namun kali ini kejadian sama berulang lagi.

"Sudahlah terpaksa tanggung kos benih yang mahal dengan input pertanian lain...petani kena tanggung rugi lagi. Nasib baik tanaman jagung saya kena separuh saja.

"Bila kena air lama-lama, tanaman akan jadi kuning dan tak elok. Rugi kami saja sebab pemborong



Sebahagian kebun yang terjejas akibat banjir.



KHAIRUL

akan tolak. Sebab itu kami terpaksa pam keluar air sebab tak nak tanaman rosak.

"Sepatutnya parit itu diselenggara sebab masalah seperti inilah yang akan berulang. Sampai bila kami nak kena berdepan masalah banjir masuk kebun lagi?



YUNUS

"Pihak berwajib kena ambil perhatian masalah ini sebab kalau diabaikan dengan cuaca yang tak menentu sekarang ini, tak mustahil akan jejak kawasan lain," katanya.

Ambil inisiatif bersihkan parit

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Negeri (JKKKN) Parit 2, Saifuddin Ismail menjelaskan, masalah perparitan menjadi punca kebanyakan kebun di kampung itu dinaiki air.

"Sebelum ini, JKKKN ambil tanggungjawab membersihkan dan pantau parit setiap tiga bulan tapi selepas dimaklumkan kerja itu diserahkan kepada JPS, JKKKN lepas tangan.

"Tapi bila parit dah tak diselenggara, lebih lima bulan kerja bersih parit tak dibuat, rumpai mudah tumbuh dengan cepat dan tebal...kalau tengok dah macam tilam.

"Itu sebabnya air cepat naik dan

petani yang terpaksa tanggung akibatnya. Tanaman kontan banyak rosak dan terpaksa tanggung rugi ribu-ribu ringgit," katanya.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Parit 2, Shafiee Ahmad, dia turut bersimpati dengan musibah yang terpaksa ditanggung penduduk.

"Aduan sudahpun dipanjangkan kepada pihak JPS untuk tindakan lanjut memandangkan ramai petani akan terjejas akibat masalah tersebut.

"Semalam bila air melimpah, orang kampung ambil inisiatif sendiri cari jentolak untuk membersihkan parit selepas perbincangan pembayaran dan kos sewa ditanggung JPS.

"Saya berharap masalah banjir seperti ini tidak akan berulang lagi sebab sudah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk menyelenggara dan membersihkan parit ikut jadual," katanya.

JPS pantau parit kritikal

Sementara itu, sumber Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor menjelaskan, pihaknya sedia maklum dengan masalah di kawasan Parit 2.

"Hasil pemantauan sebelum ini, saliran air di Parit 2 tidak kritikal namun disebabkan hujan lebat di kawasan itu, air naik mendadak.

"Bagaimanapun kerja-kerja kecemasan sudah dilaksanakan bagi membolehkan aliran air kembali lancar dan sebenarnya JPS sentiasa memantau keadaan parit di setiap kampung di daerah ini," katanya.



Jentera pengorek digunakan untuk membersihkan parit sebu selepas banjir melanda kebun di kampung itu.



Mohd Khairul Anwar (dua, kanan) melihat kerosakan tanaman yang mencecah hampir RM4,000.